

31/08/1998

PM ketua perarakan 2,713 kereta proton

GEORGETOWN, Ahad - Perarakan 2,713 kereta Proton melalui Jambatan Pulau Pinang, yang diketuai Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, membuka tirai sambutan Hari Kemerdekaan ke-41 peringkat nasional di Pulau Pinang, hari ini.

Dipercayai ini adalah penyertaan model kereta sama yang terbesar dan terpanjang (melebihi 10 kilometer) di dunia.

Kereta pertama dipandu Perdana Menteri dengan disertai Pengerusi Kumpulan DRB-Hicom, Tan Sri Wira Mohd Saleh Sulong dan Pengarah Urusan Edaran Otomobil Nasional (EON) Berhad, Datuk Adzmi Abdul Wahab. Konvoi itu dilepaskan Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon pada jam 5.20 petang.

Kereta itu adalah replika Proton Wira yang mendarat di Kutub Utara dalam Ekspedisi Kutub Utara, awal tahun ini.

Ketibaan konvoi itu di bahagian pulau disambut ribuan rakyat yang berbaris sepanjang jalan menghala ke Georgetown.

Dr Mahathir yang terharu dengan sambutan rakyat walaupun dalam keadaan hujan renyai, membuka tingkap dan melambai sambil memandu secara perlahan.

Kereta kedua dinaiki Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Puan Sri Wira Akmal Abdul Salam dan Datin Ramlah Hashim (isteri Adzmi), manakala Timbalan Perdana, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Datin Seri Wan Azizah Wan Ismail menaiki kereta ketiga, diikuti kereta Dr Koh, Menteri Kabinet dan Exco Kerajaan Negeri.

Perarakan konvoi itu yang dianjurkan EON, akan dicatat dalam Malaysia Book Of Records dan Guinness Book Of World Records.

Turut serta 60 kanak-kanak dari Rumah Tunas Harapan Tengku Ampuan Rahimah Kuala Selangor yang dibawa oleh Airport Limo Sdn Bhd menggunakan kereta limosin KLIA.

Adzmi berkata, konvoi itu diadakan untuk menyemarakkan semangat Malaysia Boleh.

Beliau berkata, kereta pertama bertolak pada jam 5.20 petang, manakala kereta yang terakhir iaitu ke 2,713 tepat jam 6.50 petang, mengambil masa kira-kira satu setengah jam antara kereta pertama dan terakhir.

"Ini adalah satu rekod dan kami akan memohon untuk dimasukkan ke Malaysia Book Of Records dan Guinness Book of World," katanya.

Sebelum itu, di Plaza Tol Jambatan Pulau Pinang, Saleh Sulong dalam ucapannya sebelum konvoi itu berlepas, berkata ia adalah tanda setia dan sokongan rakyat terhadap kepemimpinan Dr Mahathir.

"Simbolik konvoi ini ialah, seluruh rakyat Malaysia berada di belakang Dr Mahathir, sambil beliau memimpin kita menyebarangi Jambatan Pulau Pinang," katanya.

Sebelum berlepas, semua orang yang menghadiri majlis ringkas itu membaca ikrar sokongan 'Kami rakyat Malaysia, yakin Malaysia boleh menangani kegawatan ekonomi dibawah kepemimpinan Dr Mahathir Mohamad, Negara Kita Tanggungjawab Kita. Malaysia Boleh'.

(END)